

# → PENDIDIKAN

QUACQUARELLI SYMONDS (QS) WORLD UNIVERSITY RANKING 2017-2018

# UPM lonjak 182 anak tangga ranking

● Kerjasama penyelidikan antara faktor kejayaan universiti

Oleh Nor Azma Laila,  
Faizatul Farhana Farush Khan, Maria Uffa Zulkafeli, Mohd Khairul Anam Md Khairudin  
open@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**erjasama penyelidikan ber-impak tinggi dan bertaraf antarabangsa yang giat dijalankan bersama universiti terkemuka dunia antara faktor kejayaan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menduduki kedudukan ke-229 universiti terbaik dunia dalam senarai Quacquarelli

Symonds (QS) World University Ranking 2017-2018, semalam.

Naib Canselornya, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata komitmen berterusan UPM memperbaiki kelemahan terutama dari aspek pencapaian akademik dan reputasi majikan juga menyumbang kepada pencapaian membanggakan universiti itu dengan lonjakan sebanyak 182 anak tangga itu.

"Kami (UPM) komited membuat perancangan dan analisis berdasarkan pencapaian pada kedudukan 411 yang diperoleh dalam laporan QS pada 2013-2014 dan sebelum ini.

"Kolaborasi penyelidikan dengan universiti antarabangsa penting untuk membolehkan UPM terus dikenali, pada masa sama, giat menjalankan pelbagai aktiviti dengan pihak majikan dan industri dalam mahupun luar negara khususnya bagi mengembangkan lagi produk universiti ini," katanya.

Sementara itu, Pemangku Naib Canselor Universiti Malaya (UM) yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Prof Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud, berkata peningkatan reputasi dalam kalangan majikan dan akademik menjadi antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan UM dalam QS World Ranking pada tahun ini.

## UM capai kedudukan 114

"Kita memang tidak menjangkakan UM akan berjaya mencapai kedudukan 114 pada tahun ini, tetapi saya percaya penstrukturkan semula program pengantarabangsaan yang lebih fokus dan Pelan Strategik UM 2016-2020 turut membantu universiti melonjak 19 anak tangga pada tahun ini.

"Berdasarkan pelan strategik itu, UM menasarkan untuk mencapai kedudukan 100 terbaik menjelang 2020 dan saya berharap hasrat itu dapat dicapai hasil komitmen dan kerjasama semua pihak," katanya.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata lonjakan sebanyak 72 anak tangga bagi kedudukan UKM pada tahun

ini adalah antara catatan tertinggi dalam tempoh setahun yang pernah dicapai dalam sejarah universiti di negara ini.

Beliau berkata, pencapaian membanggakan itu antaranya hasil peningkatan reputasi kesarjanaan oleh ahli akademik dan reputasi daripada pihak majikan kerana UKM bukan saja menjadi pilihan dalam kalangan sarjana, malah pihak industri di peringkat dunia.

"Selepas 47 tahun kewujudan UKM, kita berjaya membuktikan bahawa Malaysia juga mampu membina dan melahirkan sebuah universiti berlandaskan inspirasi rakyat yang terkemuka dan terhormat di mata dunia," katanya.

## Asas pengurusan kukuh, betul

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata asas pengurusan kukuh dan betul yang dilaksanakan warganya, menjadi pencetus kejayaan institusi itu meningkatkan kedudukan dari tangga ke-330 pada tahun 2016-2017 kepada ke-264 pada tahun ini.

Peningkatan sebanyak 66 kedudukan itu, katanya, cukup membanggakan kerana usaha giat dijalankan universiti bagi memenuhi penilaian penyelidikan, pengajaran, kebolehpasaran dan pengitarabangsaan membawakan hasil.

"Dalam meletakkan universiti pada kedudukan yang baik, USM memastikan perkara paling penting harus dilakukan pengurusan adalah menyelesaikan setiap masalah secepat dan sebaiknya," katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar, berkata prinsip 'jika sesuatu perkara dirancang dengan baik, pasti berjaya' yang dipegang warganya, menjadi pendorong kepada universiti itu meningkatkan kedudukan dari tangga ke-355 pada tahun lalu kepada ke-253, tahun ini.

"Budaya kerja cemerlang dijalankan warga UTM juga membantu universiti ini mencapai kejayaan yang baik, walaupun baru menerima status sebagai universiti penyelidikan, berbanding empat universiti penyelidikan lain," katanya.